



PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 7 TAHUN 2025

DASAR LESEN KELAS BAS PEKERJA

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (selepas ini dikenali sebagai “**LPKP Sarawak**”) berkenaan penetapan dasar Lesen Kelas Bas Pekerja di Sarawak.

2. TAKRIFAN

Dalam pekeling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

‘**Bas Pekerja**’ ditakrifkan sebagai bas yang digunakan untuk membawa pekerja-pekerja dalam mana-mana industri ke dan dari tempat kerja mereka dan sebaliknya;

‘**Lesen Perubahan Sementara (LPS)**’ ditakrifkan sebagai kelulusan permohonan pengubahan lesen atau syaratnya di bawah Seksyen 22, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] berhubung kawasan operasi;

‘Pekerja’ ditakrifkan sebagai pekerja dalam mana-mana industri seperti perkilangan, perladangan dan komoditi, perhotelan, peruncitan, pembinaan, petroleum dan gas;

‘Pengusaha Bas Pekerja’ ditakrifkan sebagai syarikat yang menyediakan perkhidmatan membawa pekerja; dan

‘Permohonan Semula’ sebagai permohonan memperbaharui lesen yang dibuat selepas tarikh akhir tempoh sah laku lesen.

3. DESKRIPSI PERKHIDMATAN LESEN KELAS BAS PEKERJA

- 3.1. Kenderaan jenis van, *Multi-Purpose Vehicle* (MPV) atau bas, yang mempunyai muatan tempat duduk dari lapan (8) tempat duduk hingga empat puluh sembilan (49) tempat duduk, untuk membawa:
 - (a) Pekerja sendiri; dan/atau
 - (b) Pekerja dalam mana-mana industri sekiranya pengusaha bas mempunyai kontrak dengan industri berkenaan.
- 3.2. Bas Pekerja hendaklah diwarnakan dengan warna Biru Muda (Datsun Light Blue No.S 8588) dengan tanda badan seperti yang disyaratkan. Warna korporat adalah dibenarkan dengan kelulusan Lembaga.
- 3.3. Pemegang Lesen hendaklah memastikan perkataan "BAS PEKERJA" jelas kelihatan pada badan bas setiap masa.
- 3.4. Industri tidak boleh mengenakan bayaran kepada pekerja yang menggunakan perkhidmatan bas pekerja.

- 3.5. Pengusaha Bas Pekerja hanya boleh mengangkut pekerja yang digaji oleh industri yang mempunyai kontrak dengannya dan tidak boleh mengenakan kadar tambang.
- 3.6. Bas Pekerja hanya dibenarkan untuk beroperasi di kawasan yang telah diluluskan oleh LPKP Sarawak.
- 3.7. Lesen Kelas Bas Pekerja adalah tertakluk kepada apa-apa arahan atau apa-apa peruntukan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.8. Pembinaan dan penggunaan Bas Pekerja hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [LN170/1959].

4. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAHARU LESEN KELAS BAS PEKERJA

- 4.1. Pemberian lesen adalah secara terbuka kepada perniagaan Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad, Pertubuhan, Koperasi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company*).
- 4.2. Tiada had bilangan lesen bagi perniagaan Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad, Pertubuhan, Koperasi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company*).
- 4.3. Modal terkumpul atau pusingan (operasi) sekurang-kurangnya 30% daripada harga kenderaan baharu atau terpakai.
- 4.4. Modal berbayar tidak kurang daripada RM100,000.00 bagi Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad.

- 4.5. Jenis kenderaan yang hendak dilesenkan hendaklah bersesuaian dengan jumlah pekerja yang hendak dibawa.
- 4.6. Bagi Pengusaha Bas Pekerja, mereka hendaklah mempunyai kontrak yang sah dengan industri untuk membawa pekerja mereka.
- 4.7. Tempoh sahlaku lesen adalah selama 5 tahun.
- 4.8. Had usia melesenkan kenderaan dan ganti kenderaan bas pekerja adalah tidak melebihi 20 tahun dari tarikh kenderaan didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan dibenarkan untuk beroperasi sebagai bas pekerja sehingga 30 tahun dari tarikh didaftarkan dengan JPJ.
- 4.9. Pemasangan *Global Positioning System* (GPS) bagi semua bas pekerja berdasarkan kriteria 3 bintang program Trackscore MIROS dan ketetapan LPKP Sarawak iaitu:
 - (a) Syarikat pembekal GPS perlu menyimpan data selama satu (1) tahun, dan semua data hendaklah disalinkan secara pendua (*mirrored*) ke pelayan (*server*) yang akan ditetapkan oleh LPKP Sarawak;
 - (b) Syarikat pembekal GPS yang digunakan oleh pemegang lesen hendaklah mempunyai pusat sokongan teknikal yang beroperasi di Sarawak;
 - (c) Syarikat pembekal GPS hendaklah memeterai perjanjian bertulis dengan pemegang lesen, di mana syarikat pembekal bersetuju tanpa syarat untuk membuka Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API) bagi tujuan integrasi dengan Platform Berpusat yang akan disediakan oleh LPKP Sarawak (jika ada) pada masa hadapan. Caj platform boleh dikenakan dan pemegang lesen adalah diwajibkan untuk melanggan perkhidmatan tersebut mengikut penguatkuasaan oleh LPKP Sarawak; dan

- (d) LPKP Sarawak hendaklah diberikan akses penuh kepada sistem GPS tersebut untuk tujuan pemantauan dan pengauditan.

4.10. Pihak Lembaga berhak untuk menetapkan syarat-syarat tambahan di dalam permohonan lesen baharu.

5. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN BAHARU ATAU TAMBAHAN LESEN KELAS BAS PEKERJA

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

5.1. Bagi Perniagaan Pemilikan Tunggal dan Perkongsian

- (a) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Salinan Sijil Pendaftaran (Ordinan Nama-Nama Perniagaan – Bab. 64) (R.22—Pind.1/86);
- (c) Salinan Dokumen Pendaftaran—Pengesahan Pendaftaran Nama Perniagaan (*Extract Copy of Registration of Business Name*)/ Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan; dan / atau
- (d) Maklumat Korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaan perkongsian yang berdaftar dengan SSM.

5.2. Bagi Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad

- (a) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Maklumat Korporat SSM;
- (c) Borang 9 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian);
- (d) Borang 8 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam) dan / atau

(e) Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam / Sendirian Akta Syarikat 2016.

5.3. Bagi Pertubuhan

- (a) Salinan Sijil Pendaftaran (Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966); atau
- (b) Salinan Perakuan Pendaftaran (Seksyen 7 Ordinan Koperasi Sarawak Bab 66 Tahun 1949); dan
- (c) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku.

5.4. Bagi Koperasi

- (a) Salinan Perakuan Pendaftaran Koperasi (Akta Koperasi 1963).

5.5. Bagi Badan-Badan Berkanun

- (a) Akta atau Ordinan penubuhan syarikat; atau
- (b) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

5.6. Bagi Pengusaha Bas Pekerja, salinan kontrak perkhidmatan perlu jelas menyatakan tempoh sah laku (tempoh mula dan tamat kontrak) dan kawasan operasi serta perlu disetemkan.

5.7. Pengesahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tempat letak kenderaan (depoh) tidak melebihi 6 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

5.8. Pengesahan bebas saman daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

5.9. Keputusan carian status kebangkrapan / penggulungan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

- 5.10. Salinan senarai nama pekerja daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menunjukkan nombor akaun majikan dan nombor ahli pekerja sebagai bukti telah mencarum dengan KWSP tidak melebihi 3 bulan dari tarikh tarikh mesyuarat lembaga.
- 5.11. Satu (1) bulan penyata kewangan terkini (perlu disahkan oleh pihak bank dan tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga) atau sijil pemilikan kenderaan (VOC) atas nama syarikat yang memenuhi syarat untuk dilesenkan.

6. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN

- 6.1. Permohonan pengeluaran lesen dikemukakan sebelum tamat akhir sah laku Surat Tawaran Kelulusan (STK). Dokumen yang perlu disertakan untuk permohonan pengeluaran lesen adalah seperti berikut :
- (a) Laporan PG11A ;
 - (b) Surat Tawaran Kelulusan (STK);
 - (c) Laporan pemeriksaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM);
 - (d) Pengesahan kefungsian dan laporan *Speed Limitation Device* (SLD);
 - (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.;
 - (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS; dan
 - (g) Sijil pendaftaran kenderaan terkini.

7. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN KELAS BAS PEKERJA

7.1. Permohonan memperbaharui lesen dikemukakan sebelum tarikh akhir tempoh sah laku lesen. Pelesen dibenarkan untuk mengemukakan permohonan memperbaharui dalam tempoh 1 tahun sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh akhir tempoh lesen.

7.1.1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lesen perdagangan industri masih dalam tempoh sah laku; atau
- (b) Lesen perdagangan Pengusaha Bas Pekerja dalam bidang pengangkutan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (c) Lesen Kenderaan Motor (LKM) masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Laporan pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (e) Pengesahan kefungsiian dan laporan SLD;
- (f) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.;
- (g) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (h) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
- (i) Laporan prestasi tahun sebelumnya.

7.2. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 5 tahun sehingga bas pekerja berusia 30 tahun.

7.3. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.

8. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SEMULA LESEN KELAS BAS PEKERJA

8.1. Permohonan semula lesen yang kurang 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.

8.1.1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lesen perdagangan industri masih dalam tempoh sah laku; atau
- (b) Lesen perdagangan Pengusaha Bas Pekerja dalam bidang pengangkutan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (c) LKM masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (e) Pengesahan kefungsian dan laporan SLD;
- (f) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.9.;
- (g) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (h) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
- (i) Laporan prestasi tahun sebelumnya.

8.1.2. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah sehingga 5 tahun maksimum.

8.1.3. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.

- 8.2. Permohonan Semula Lesen melebihi 1 tahun dari tarikh tamat tempoh memperbaharui lesen.
 - 8.2.1. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen yang diperlukan seperti di Perkara 5 (kecuali bagi perkara 5.11) dan dokumen tambahan iaitu penyata kewangan teraudit sekurang kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya serta laporan prestasi tahun sebelumnya.
- 8.3. Kelulusan permohonan semula lesen dikenakan denda mengikut kadar yang diluluskan.
- 8.4. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 5 tahun maksimum.
- 8.5. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.

9. LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS)

- 9.1. Permohonan dan tempoh kelulusan diberi adalah sehingga 14 hari dengan mengemukakan dokumen berikut:
 - 9.1.1. LPS Kawasan Operasi
 - (a) Surat permohonan daripada industri;
 - (b) Jadual perjalanan (masa, tarikh dan tempat lawatan);
 - (c) VOC atas nama syarikat;
 - (d) Salinan Lesen Kelas Bas Pekerja yang masih dalam tempoh sah laku;
 - (e) LKM masih dalam tempoh sah laku; dan
 - (f) Lulus laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku.

10. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 November 2025. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, **ia membatalkan Pekeliling LPKP Sarawak yang berkaitan dengan Lesen Kelas Bas Pekerja yang terdahulu.**

11. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang Lesen Kelas Bas Pekerja yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak

Tarikh : **31 Oktober 2025**

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)